

Headline	Pengundi terkejut lampu siling terbakar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 May 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	14
ArticleSize	211 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,490		



Pengundi terkejut lampu siling terbakar

KUALA LUMPUR - Suasana tenang ketika berlangsungnya proses pembuangan undi bertukar panik seketika apabila berlaku litar pintas melibatkan satu lampu siling di dewan Sekolah Kebangsaan Seksyen U3, Taman Subang Perdana di Shah Alam tengah hari semalam.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri berkata, dalam kejadian pada pukul 12.12 tengah hari itu, pihaknya menerima panggilan kecemasan memaklumkan kejadian tersebut.

"Sebaik menerima panggilan

kecemasan, pihak bomba segera bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati kebakaran itu hanya melibatkan satu lampu siling di dewan yang menjadi tempat pembuangan undi bagi Parlimen Sungai Buloh dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Damansara.

"Kebakaran itu berpunca daripada litar pintas," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Alimaddia, kebakaran kecil tersebut tidak mengganggu proses pembuangan undi dan tiada mangsa yang cedera.

Sementara itu, di **Perak**, tiga kawasan di negeri itu mengalami gang-

guan bekalan elektrik berikutan hujan lebat pada pukul 2 petang namun telah dibaik pulih oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Perak, Mohd. Nazri Ismail berkata, kawasan yang terlibat ialah Bagan Serai, Bukit Gantang dan di daerah Larut.

"TNB telah menyelesaikan masalah itu yang berpunca akibat ribut petir yang kuat. Ribut kuat menyebabkan elektrik terputus, suis Pemutus Litar Bocor ke Bumi iaitu ELCB tidak berfungsi, namun suis telah dinaikkan semula," katanya kepada pemberita di sini semalam.



LAMPU dalam bulatan yang terpadam selepas berlaku litar pintas di pusat mengundi di Sekolah Kebangsaan Seksyen U3, Taman Subang Perdana semalam.